



KEMENTERIAN DIGITAL



SIARAN MEDIA

JELAJAH ANTI-SCAM KEBANGSAAN PERKUKUHKAN KESIAPSIAGAAN RAKYAT KEDAH DALAM MENGHADAPI ANCAMAN PENIPUAN DALAM TALIAN DAN SCAM

ALOR SETAR, 27 JUN 2024 – Dalam usaha memperkasa dan meningkatkan kesedaran serta kesiapsiagaan orang ramai terhadap jenayah penipuan dalam talian dan *scam*, program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan (JASK) kini diteruskan di negeri Kedah Darul Aman pada 26 dan 27 Jun 2024 di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman, Alor Setar.

Program ini dianjurkan bersama oleh CyberSecurity Malaysia dan CelcomDigi Berhad, dengan kerjasama Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS) serta sokongan Kementerian Digital. Di negeri Kedah, program ini turut mendapat sokongan dari Kerajaan Negeri Kedah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Majlis Bandaraya Alor Setar, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Jabatan Kerja Raya (JKR), serta RTM Kedah.

JASK diadakan bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai lanskap ancaman siber yang semakin berkembang, modus operandi terkini pelbagai jenis ancaman *scam*, tips pencegahan, serta amalan terbaik bagi mengelakkan masyarakat daripada menjadi mangsa jenayah ini.

“Kes dan insiden penipuan dalam talian atau *scam*, masih berleluasa. Ramai rakyat Malaysia menjadi mangsa akibat terpedaya oleh pelbagai taktik licik *scammer* yang terus menipu. Oleh itu, program kesedaran ini perlu dipergiat secara konsisten agar maklumat dapat disalurkan kepada semua lapisan masyarakat. Orang ramai perlu cakna dan melengkapkan diri dengan maklumat berkaitan jenayah ini bagi membolehkan mereka memiliki sikap kawal sendiri serta berupaya melindungi diri daripada menjadi mangsa,” kata Jeneral Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Bin Mohd Zin (Bersara), Pengerusi Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia.

Dari bulan Januari sehingga Mei 2024, Pusat Tindakbalas Insiden Siber-Cyber999 kendalian CyberSecurity Malaysia merekodkan sebanyak 2,518 insiden keselamatan

siber, di mana penipuan dalam talian (*fraud*) terus berada di tangga teratas dengan jumlah insiden 1,646. Manakala, statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), Polis Diraja Malaysia Bukit Aman pula merekodkan 13,134 kes jenayah dalam talian bagi tempoh Januari hingga Mei 2024, dengan nilai kerugian sebanyak RM511,526,438.95

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi, Datuk Idham Nawawi, “Sebagai penyedia perkhidmatan digital, kami mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan pengalaman internet yang lebih selamat kepada semua warga digital. Kami menekankan prinsip A.C.T iaitu memupuk Kesedaran (*Awareness*), meningkatkan tahap Pematuhan (*Compliance*) dalam organisasi dan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan, serta mengoptimumkan penggunaan Teknologi (*Technology*) dalam memerangi ancaman *scam*. CelcomDigi memahami kepentingan menyediakan kesalinghubungan internet yang kondusif dan selamat untuk semua pengguna selain bertanggungjawab menyemai kemahiran penggunaan internet yang selamat di kalangan rakyat Malaysia. Kami percaya bahawa inisiatif secara kolektif ini dapat memberi impak yang besar dalam memerangi *scam* secara berkesan.”

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tuanku Raja Muda Kedah telah berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2024 - Peringkat Negeri Kedah Darul Aman. Keberangkatan tiba baginda disambut oleh YB Dato’ Seri Haji Norizan bin Khazali, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman; YB Ustaz Mohd Azam Bin Abd Samat, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman; Jeneral Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Bin Mohd Zin (Bersara), Pengerusi Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia serta dif-dif kenamaan yang lain.

Dianggarkan seramai 800 peserta, terdiri daripada penjawat awam negeri Kedah, pelajar IPT, pensyarah, guru, remaja, belia, ibu bapa, serta wakil komuniti termasuk Ketua Kampung hadir pada sesi dialog dan forum anti-scam sempena program ini.

Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan dicetuskan oleh GBAS yang dianggotai oleh beberapa agensi kerajaan, organisasi swasta, badan bukan kerajaan (NGO) seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) serta Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM). Program ini turut mendapat kerjasama dari Bank Negara Malaysia (BNM), Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), Yayasan Digital Malaysia (YDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), serta Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM).

Dikeluarkan bersama oleh:

Jabatan Pemasaran & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia

UNTUK SIARAN SEGERA

Jabatan Komunikasi, CelcomDigi Berhad